

PROGRAM INPUT PERTANIAN BERSEPADU (PIB)

Aktiviti pembekalan input pertanian merupakan salah satu aktiviti utama yang menjadi teras kepada gerakan PP. Program Input Pertanian Bersepadu (PIB) telah diperkenalkan pada tahun 2004 dan ianya dilaksanakan melalui konsep satu entiti yang berpusat di NAFAS.

OBJEKTIF PROGRAM

1. Menyatukan program perkhidmatan input pertanian di semua peringkat PP secara bersepadu di bawah satu entiti.
2. Membolehkan pelanggan (ahli) mendapat bekalan input yang berkualiti melalui pengurusan yang cekap dan efektif pada harga yang kompetitif.
3. Meningkatkan pengurusan syer pasaran di dalam aktiviti pembekalan input pertanian PP bagi jangkamasa lima tahun.
4. Menjadikan program ini sebagai asas dalam memperkukuhkan gerakan PP 3 peringkat khususnya dari aspek kuasa tawar menawar dalam aktiviti perolehan.

PENCAPAIAN PIB 2013

Sepanjang tahun 2013, pencapaian isipadu dalam program ini telah mencapai jualan sebanyak RM 81,938,007.01 yang melibatkan 13 PPN dan 234 PPK di seluruh Malaysia.

PENYELARASAN BANTUAN KEPADA INDUSTRI PADI

SKIM BAJA PADI KERAJAAN PERSEKUTUAN (SBPKP)

Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) adalah kesinambungan dari Skim Subsidi Baja Padi (SSBP) yang diperkenalkan pada tahun 1979. Skim ini telah di perluaskan ke Sabah dan Sarawak pada Mei 2002.

SBPKP melibatkan bantuan baja padi kepada peladang individu yang mengerjakan sawah (penyewa atau pemilik), PPK, jabatan dan agensi kerajaan.

Kriteria Pemberian SBPKP:

1. Warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas.
2. Petani/pesawah yang mempunyai keluasan sawah maksimum 25 ekar (10 ha).
3. PPK, jabatan dan agensi berfungsi sebagai Penyelaras dalam menentukan pemberian SBPKP bagi projek kelompok atau mini estet padi.
4. Tanah bergeran atau mempunyai surat kuasa/ sewa.
5. Tidak mendapat bantuan dari pihak lain seperti kerajaan negeri.

Pada tahun 2013, LPP melalui SBPKP telah menyalurkan bantuan kepada pesawah dan pengusaha padi seluruh negara seperti Jadual 29, 29i, 29ii.